



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Kesediaan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam Melaksanakan Kajian Pengajaran

(Readiness of Malay Language Teachers in Chinese National Type Schools in Implementing Lesson Study)

Ahmad Affiq Mohd Yusoff¹, Fatin Nur Farhana Ruslan², Mohd Siddiq Abdul Aziz³ & Nur Izzaty Zipri⁴

¹Sekolah Rendah Arab JAIM Selandar, Jalan Selandar, 77500 Selandar, Melaka, MALAYSIA.

²Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bandar Sungai Long, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

³Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sang Lee, 27600 Raub, Pahang, MALAYSIA.

⁴Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Subang, 40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Ahmad Affiq Mohd Yusoff**, apitoyusoff@gmail.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2023

Volume: 13

Bilangan: 01

Halaman: 25-37

Dihantar pada:

18 Mac 2023

Diterima pada:

01 Jun 2023

Abstrak: Kajian Pengajaran merupakan salah satu aktiviti Komuniti Pembelajaran Profesional untuk meningkatkan amalan profesionalisme dan pengajaran guru di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran (*Lesson Study*). Reka bentuk kajian ini adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data kajian. Seramai 113 orang guru Bahasa Melayu di 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang terdapat di zon Hulu Langat, Selangor telah dipilih sebagai responden kajian. Data bagi kajian ini dianalisis secara analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan analisis Korelasi Pearson, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan pemahaman dengan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran di sekolah. Kajian ini mencadangkan supaya pelaksanaan Kajian Pengajaran diteruskan namun perlu usaha penambahbaikan supaya guru dapat meningkatkan tahap penggunaan inovasi tersebut sebagai medium utama pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kesediaan guru, guru Bahasa Melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Kajian Pengajaran

Abstract: Lesson study is one of the activities of the Professional Learning Community to improve the professionalism and teaching practices of teachers in schools. Therefore, this study aims to identify the level of knowledge, understanding and readiness of Malay teachers in carrying out lesson study. The design of this study is a survey method using a questionnaire as an instrument to collect research data. A total of 113 Malay language teachers in 11 Chinese National Type Schools under the School Transformation Program 2025 (TS25) located in the Hulu Langat zone, Selangor were selected as respondents. The data for this study was analyzed through descriptive analysis and inferential analysis. The findings of the study show that the knowledge, understanding and willingness of teachers in implementing teaching research is at a moderate level. Based on Pearson's Correlation analysis, there is a significant relationship between the level of knowledge and understanding and the willingness of Malay language teachers to carry out teaching research in schools. The implications of the findings of this study suggest that the implementation of teaching research should continue but improvement efforts are needed so that teachers can increase the level of use of the innovation as the main medium of teaching and learning Malay Language.

Keywords: Teacher readiness, Malay Language teacher, Chinese National Type Schools, lesson study

PENGENALAN

Arus pendidikan negara yang semakin berkembang menuntut perubahan demi perubahan dilakukan ke aras meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan dalam usaha merealisasikan aspirasi menjadi hub pendidikan di rantau ini. Guru merupakan pihak terpenting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Oleh itu, cara terbaik untuk mengembangkan budaya belajar yang bertahap tinggi dalam kalangan guru adalah melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). KPP atau lebih dikenali sebagai *Professional Learning Community* (PLC) merupakan budaya pembelajaran yang berkongsi maklumat bagi meningkatkan kecemerlangan murid (Tan & Omar, 2019). Di Malaysia, program KPP telah dilaksanakan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah pada tahun 2011 (KPM 2014) dan kini pelaksanaannya telah merangkumi semua sekolah di seluruh Malaysia. Sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan KPP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengiktiraf KPP dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM 2013) sebagai satu reformasi pendidikan untuk menggalakkan kerjasama dalam kalangan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran-PdP (Azura & Mahaliza 2022)

Kajian Pengajaran atau lebih dikenali sebagai *Lesson Study* telah diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pada awal tahun 2011. Pelaksanaan ini berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Hasil kajian mendapati perkembangan yang positif terhadap keberkesanan PdP guru dan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar, maka BPG, KPM sangat optimis untuk melaksanakan Kajian Pengajaran di sekolah (Rohaida & Zamri 2016). Kajian Pengajaran merupakan satu model perkembangan di Jepun yang telah diamalkan lebih dari seabad sehingga amalan Kajian Pengajaran sehati dengan sistem pengajaran mereka (Zanaton et al. 2014). Kajian Pengajaran merupakan salah satu pendekatan bagi meningkatkan perkembangan profesional keguruan dalam proses PdP. Bilik darjah merupakan tempat pembelajaran murid yang harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin agar pelbagai kemahiran dan perkembangan kognitif murid dapat disepadukan khususnya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kajian Pengajaran merupakan elemen yang dimuatkan dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) pada Modul 4: Persekitaran Pembelajaran Profesional. Objektif pelaksanaan TS25 Modul 4 termasuklah membudayakan persekitaran pembelajaran profesional ke arah menjadikan sekolah sebagai sebuah organisasi pembelajaran. Program TS25 merupakan inisiatif KPM dalam melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan penglibatan murid yang aktif yang

disokong oleh kepimpinan yang berkualiti dan guru-guru yang kompeten (Noraziyannah & Aida Hanim 2019). Kajian Pengajaran merupakan satu kaedah KPP yang melibatkan sekumpulan guru berkolaborasi pada satu jangka masa tertentu bagi mereka bentuk, melaksana, menguji dan membuat penambahbaikan terhadap pelajaran yang dikaji. Menurut Coenders dan Verhoef (2019), terdapat tujuh komponen dalam Kajian Pengajaran, iaitu (i) tentukan matlamat dan isu, (ii) kajian secara kolaboratif, (iii) membangunkan RPH, (iv) pemerhatian PdP, (v) perbincangan pasca PdP, (vi) sumbangan daripada pakar dan (vii) perkongsian hasil kajian.

KAJIAN PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Rohaida (2017) dalam kajiannya terhadap 253 orang guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah di daerah Hulu Langat mendapati tahap pengetahuan dan pemahaman guru Bahasa Melayu terhadap Kajian Pengajaran adalah tinggi dan positif. Walau bagaimanapun, tahap kesediaan mereka untuk menjalankan Kajian Pengajaran adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Implikasi kajian ini ialah guru-guru Bahasa Melayu daerah Hulu Langat mempunyai tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan yang tinggi terhadap Kajian Pengajaran. Dapatan kajian Batuma dan Wan Muna Ruzanna (2021) mendapati pelaksanaan Kajian Pengajaran terletak pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhannya sebanyak 4.1 dengan sisihan piawai sebanyak 0.134 terhadap 30 orang guru Sekolah Rendah Tamil di daerah Seremban. Hal ini menunjukkan guru-guru mengetahui kepentingan Kajian Pengajaran dalam amalan di sekolah.

Kajian daripada Ezwafahmey (2018) terhadap 44 orang guru cemerlang Bahasa Melayu (GCBM) di negeri Melaka menunjukkan GCBM mempunyai tahap sediaan untuk menyokong pelaksanaan dan pembudayaan KPP di sekolah menengah. Kajian Pengajaran merupakan salah satu aktiviti di bawah KPP. Justeru, langkah KPM memperkenalkan KPP dalam membantu meningkatkan kualiti dan pencapaian akademik dan kokurikulum sekolah adalah tepat pada masanya. Kajian Rohaida dan Zamri (2016) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru Bahasa Melayu melaksanakan Kajian Pengajaran. Antara faktor yang timbul dalam kalangan 253 responden ialah faktor peranan pentadbir dan opsyen perguruan banyak mempengaruhi kesediaan guru Bahasa Melayu daerah Hulu Langat untuk menjalankan Kajian Pengajaran.

Siti Nafsiah et al. (2018) dalam kajiannya menunjukkan tahap KPP berada di tahap yang tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor tetapi memerlukan penambahbaikan lagi agar pelaksanaan KPP dapat dipertingkatkan. Hasil dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan matlamat PPM2013-2025 (KPM

2013) bagi memartabatkan profesion keguruan dan memantapkan lagi pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Selain daripada itu, dapatan ini juga dapat memberikan maklumat kepada pihak yang terlibat tentang latihan pembangunan profesional guru dan menjadi garis panduan pelaksanaan KPP di sekolah agar kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan seterusnya prestasi pembelajaran murid meningkat.

Arus pendidikan negara yang semakin berkembang menuntut perubahan demi perubahan dilakukan ke aras meningkatkan kualiti sistem pendidikan kebangsaan dalam usaha merealisasikan aspirasi menjadi hub pendidikan di rantau ini. Guru merupakan pihak terpenting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Oleh itu, cara terbaik untuk mengembangkan budaya belajar yang bertahap tinggi dalam kalangan guru adalah melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). KPP atau lebih dikenali sebagai *Professional Learning Community* (PLC) merupakan budaya pembelajaran yang berkongsi maklumat bagi meningkatkan kecemerlangan murid (Tan & Omar, 2019). Di Malaysia, program KPP telah dilaksanakan dalam kalangan guru di sekolah-sekolah pada tahun 2011 (KPM 2014) dan kini pelaksanaannya telah merangkumi semua sekolah di seluruh Malaysia. Sebagai tanda sokongan terhadap pelaksanaan KPP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengiktiraf KPP dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM 2013) sebagai satu reformasi pendidikan untuk menggalakkan kerjasama dalam kalangan guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran-PdP (Azura & Mahaliza 2022)

Kajian Pengajaran atau lebih dikenali sebagai *Lesson Study* telah diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pada awal tahun 2011. Pelaksanaan ini berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Hasil kajian mendapati perkembangan yang positif terhadap keberkesanan PdP guru dan dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar, maka BPG, KPM sangat optimis untuk melaksanakan Kajian Pengajaran di sekolah (Rohaida & Zamri 2016). Kajian Pengajaran merupakan satu model perkembangan di Jepun yang telah diamalkan lebih dari seabad sehingga amalan Kajian Pengajaran sebanding dengan sistem pengajaran mereka (Zanaton et al. 2014). Kajian Pengajaran merupakan salah satu pendekatan bagi meningkatkan perkembangan profesional keguruan dalam proses PdP. Bilik darjah merupakan tempat pembelajaran murid yang harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin agar pelbagai kemahiran dan perkembangan kognitif murid dapat disepadukan khususnya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kajian Pengajaran merupakan elemen yang dimuatkan dalam Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) pada Modul 4: Persekitan Pembelajaran Profesional. Objektif pelaksanaan TS25 Modul 4

termasuklah membudayakan persekitaran pembelajaran profesional ke arah menjadikan sekolah sebagai sebuah organisasi pembelajaran. Program TS25 merupakan inisiatif KPM dalam melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan penglibatan murid yang aktif yang disokong oleh kepimpinan yang berkualiti dan guru-guru yang kompeten (Noraziyannah & Aida Hanim 2019). Kajian Pengajaran merupakan satu kaedah KPP yang melibatkan sekumpulan guru berkolaborasi pada satu jangka masa tertentu bagi mereka bentuk, melaksana, menguji dan membuat penambahbaikan terhadap pelajaran yang dikaji. Menurut Coenders dan Verhoef (2019), terdapat tujuh komponen dalam Kajian Pengajaran, iaitu (i) tentukan matlamat dan isu, (ii) kajian secara kolaboratif, (iii) membangunkan RPH, (iv) pemerhatian PdP, (v) perbincangan pasca PdP, (vi) sumbangan daripada pakar dan (vii) perkongsian hasil kajian.

PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan Kajian Pengajaran termasuklah guru Bahasa Melayu kurang mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang Kajian Pengajaran. Pengetahuan guru yang rendah tentang Kajian Pengajaran disebabkan oleh kurangnya pendedahan mengenainya (Rohaida 2017). Hal ini kerana, pada peringkat awal pengenalan Kajian Pengajaran, program ini hanya menumpukan kepada mata pelajaran Sains dan Matematik. Pada tahun 2011, Kajian Pengajaran telah diketengahkan menerusi program KPP. Wujud kekangan yang timbul, iaitu hanya sebilangan kecil guru bagi setiap sekolah berpeluang untuk menghadiri kursus Kajian Pengajaran menerusi program KPP. Walaupun guru tersebut mengadakan latihan dalaman, tetapi tetap berlaku kecairan maklumat atau maklumat yang tidak sampai tentang Kajian Pengajaran ini. Pencairan maklumat boleh berlaku disebabkan oleh faktor kekangan masa, guru yang menghadiri kursus tidak menguasai maklumat yang diperolehi dan pelbagai faktor yang menyebabkan guru Bahasa Melayu kurang memahami maklumat dan prosedur sebenar Kajian Pengajaran di sekolah.

Guru juga berpandangan bahawa Kajian Pengajaran hanyalah suatu program kerajaan yang bersifat sementara. Guru berpandangan pesimis dan negatif terhadap Kajian Pengajaran. Hal ini kerana mereka berpendapat Kajian Pengajaran merupakan salah satu program kerajaan yang berlangsung menggunakan dana kerajaan sepenuhnya. Guru turut berpendapat jika program tersebut di bawah pembiayaan pihak kerajaan, program tersebut pasti tidak berjaya. Pihak kerajaan sering melompat-lompat ke program yang baharu sebelum Kajian Pengajaran benar-benar memberi kesan yang memberangsangkan (Siti Hajar & Siti Mistima 2021). Pengetahuan

kandungan guru memainkan peranan yang besar dalam proses ini. Terdapat isu guru mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang rendah dalam Kajian Pengajaran, iaitu tidak mahir dalam teknik mengajar, kurang berpengetahuan dalam membina RPH dan mempunyai masalah dengan Kajian Pengajaran (Rabiatul 'Aqilah & Zanaton 2021). Walaupun Kajian Pengajaran membantu meningkatkan pengetahuan kandungan, ia adalah hasil usaha guru untuk meningkatkan pengetahuan kandungan melalui proses Kajian Pengajaran dan memahami tahap pengetahuan murid. Semakin ramai guru melalui refleksi kritikal, pengetahuan kandungan mereka bertambah baik.

Cabaran motivasi yang dihadapi oleh guru ialah masalah dari segi estim sendiri yang lemah kerana wujudnya perasaan takut dikritik serta tidak selesa apabila pengajarannya diperhatikan (Rabiatul 'Aqilah & Zanaton 2021). Dalam konteks ini, guru perlu memahami bahawa Kajian Pengajaran adalah sepatutnya berfokus kepada pembelajaran murid dan bukan untuk mencari kesalahan dan menghukum guru supaya perasaan takut diperhatikan ketika sesi PdP tidak berlaku dan tidak mengganggu proses Kajian Pengajaran. Elemen yang penting dalam Kajian Pengajaran termasuklah kolaboratif bagi mencapai sesuatu maklumat. Didapati cabaran yang timbul akibat ketidakhadiran ahli serta perspektif yang negatif terhadap Kajian Pengajaran. Hal ini menyebabkan guru lain hilang motivasi dan tidak bercadang untuk meneruskan amalan kajian pembelajaran. Perspektif negatif juga boleh terjadi jika amalan itu mengganggu rutin peribadi guru, namun ia turut berbalik kepada kemahiran guru menguruskan masa (Chiew et al. 2016).

Kekangan masa merupakan cabaran dalam pelaksanaan Kajian Pengajaran. Ramai guru yang tidak mahu mengubah kaedah pengajaran berpusatkan murid disebabkan oleh kekangan masa. Bagi menjalankan pengajaran yang berkesan guru haruslah meluangkan masa untuk membuat persediaan rapi sebelum sesi PdPc. Rentetan daripada bebanan tugas yang dihadapi seperti tugas-tugas perkeranian menyebabkan guru kekurangan masa untuk menjalankan Kajian Pengajaran (Rohaida 2017).

SOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini berasaskan kepada lima objektif berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah transformasi tentang Kajian Pengajaran?
2. Apakah tahap pemahaman guru Bahasa Melayu sekolah transformasi tentang Kajian Pengajaran?
3. Apakah tahap kesediaan guru Bahasa Melayu sekolah transformasi dalam melaksanakan Kajian Pengajaran?
4. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran?

5. Adakah terdapat hubungan antara tahap pemahaman dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran?

HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat dua hipotesis kajian yang boleh dibentuk bagi menjawab objektif kajian ke-4 dan ke-5.

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

METODOLOGI

Bab ini merupakan bahagian yang penting yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan perancangan yang rapi supaya data yang dikumpulkan adalah tepat dan tidak bias kepada persekitaran lain yang mungkin mempengaruhi kebolehpercayaan dan kesahan data. Oleh hal yang demikian, aspek yang dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan kaedah dan prosedur penyelidikan yang digunakan.

Reka Bentuk Kajian

Menurut Creswell (2012), reka bentuk kajian merujuk kepada satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan kepada perancangan yang khusus dan sistematik untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian yang diinginkan. Dalam kajian ini, reka bentuk yang digunakan ialah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Reka bentuk kajian tersebut telah dipilih berdasarkan kelebihan yang dinyatakan oleh Chua (2014) yang menerangkan bahawa kaedah tinjauan ini merupakan satu kaedah kajian yang terbaik untuk mengumpulkan maklumat secara langsung daripada responden berkaitan pengetahuan, pemahaman, sikap, kepercayaan, tingkah laku, dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan sekumpulan individu.

Noraini (2010) juga menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan kaedah yang tepat untuk mengumpulkan data bagi membuktikan situasi dan amalan-amalan yang wujud dalam kalangan sampel kajian. Justeru, kelebihan kajian tinjauan tersebut didapati bersesuaian dengan tujuan kajian ini, iaitu menentukan sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman, dan kesediaan mempengaruhi para guru di sekolah-sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) melaksanakan Kajian Pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada 160 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) di bawah Program TS25 di sekitar zon Hulu Langat, Selangor. Dalam kajian yang dijalankan ini, populasi dan sampel ditentukan berpandukan Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) dengan ralat lima peratus atau aras keyakinan 95%. Berdasarkan jadual penentu saiz sampel tersebut, jumlah saiz sampel yang diperlukan bagi populasi 160 orang adalah seramai 113 orang responden. Oleh itu, responden sebenar yang digunakan dalam kajian ini ialah 113 orang guru Bahasa Melayu yang dipilih dari 11 buah sekolah transformasi SJJC yang terdapat di zon Hulu Langat, Selangor dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Bilangan sampel guru dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Bilangan sampel guru Bahasa Melayu bagi 11 buah sekolah

Sekolah	Sampel (Bilangan Guru Bahasa Melayu)
SJJC Balakong	11
SJJC Bandar Kajang 2	10
SJJC Bandar Sungai Long	14
SJJC Batu 9	12
SJJC Batu 11	9
SJJC Batu 14	10
SJJC Choon Hwa	5
SJJC Connaught 2	11
SJJC Kg Baru Ampang	9
SJJC Kg Baru Semenyih	10
SJJC On Pong	12
Jumlah	113

Faktor-faktor pemilihan lokasi ini dibuat kerana memenuhi syarat keperluan dan tujuan kajian ini, iaitu sebanyak 11 buah sekolah SJJC di Zon Hulu Langat dipilih sebagai sekolah transformasi di bawah Program TS25 dan telah melalui fasa bimbingan tentang pelaksanaan KPP seperti Kajian Pengajaran yang ditekankan dalam Modul 4 Program TS25. Tambahan pula, lokasi ini berhampiran dengan daerah tempat pengkaji bekerja. Hal ini secara tidak langsung memudahkan pengkaji untuk mentadbir data termasuklah proses pengedaran dan pengumpulan data yang dilakukan.

Instrumen Kajian

Instrumen adalah kayu ukur untuk menentukan sama ada maklumat yang diperolehi atau sebaliknya dapat mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang hendak dikaji. Soal selidik merupakan alat ukur yang sesuai, tepat dan benar untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian (Chua 2014). Hal ini kerana gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku

pengkaji kerana pengkaji tidak hadir sama semasa subjek memberikan tindak balasnya. Item-item soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Rohaida (2017).

Soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian. Bahagian A ialah bahagian demografi atau latar belakang responden. Bahagian B ialah soal selidik mengenai pengetahuan, Bahagian C tentang pemahaman dan Bahagian D tentang kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima pilihan jawapan, iaitu menggunakan skala Likert lima mata. Guru-guru perlu menjawab soal selidik berdasarkan skala Likert lima mata. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima pilihan jawapan, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju Dan 5 = Sangat Setuju.

Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data ini melibatkan prosedur sebelum menjalankan kajian dan prosedur semasa menjalankan kajian yang perlu dipatuhi oleh pengkaji. Kaedah pengumpulan data adalah aspek yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini kerana pengumpulan data yang tidak relevan atau tidak tepat akan memberikan impak terhadap dapatan sesebuah kajian. Dalam kajian tinjauan yang dilaksanakan ini, langkah pertama yang dibuat adalah dengan meminta kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan soal selidik terhadap guru yang berkaitan. Permohonan untuk mendapatkan senarai nama guru-guru Bahasa Melayu daripada pentadbiran sekolah juga dilakukan sebagai rujukan pengkaji untuk menentukan jumlah borang soal selidik yang perlu diedarkan 11 kepada sekolah-sekolah berkenaan. Bagi memudahkan pihak responden menghantar soal selidik, kerjasama bersama Ketua Panitia dilakukan bagi membantu mengedarkan pautan soal selidik menggunakan aplikasi *Google Form*. Proses pengumpulan data hanya mengambil masa dua minggu sahaja. Pemerolehan data kajian ini dibuat secara beretika.

Prosedur Penganalisan Data

Secara umumnya, proses menganalisis data melibatkan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif yang merujuk kepada pemerihalannya sesuatu peristiwa dengan menyajikan data kajian dalam bentuk teknik pengukuran yang mudah dan statistik berbentuk inferensi, iaitu bersifat rumusan kepada populasi kajian. Data soal selidik yang diperolehi daripada 113 orang guru dianalisis secara sistematik menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Data dianalisis secara deskriptif untuk melihat sejauh mana tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah untuk melaksanakan Kajian Pengajaran dalam PdP mereka. Bacaan skor min bagi konstruk tahap

pengetahuan, pemahaman dan kesediaan berpandukan interpretasi daripada kajian Azman (2018), iaitu 1.00-2.33 (Rendah), 2.34-3.66 (Sederhana) dan 3.67-5.00 (Tinggi).

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 113 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah SJKC kawasan Zon Hulu Langat yang berada di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Bahagian ini menjelaskan maklumat deskriptif berhubung sampel kajian ini mengikut beberapa aspek seperti jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi, pengalaman mengajar, dan opsyen perguruan. Profil responden ini secara terperinci dipaparkan seperti Jadual 2.

JADUAL 2: Kekerapan dan peratusan demografi responden kajian

Kategori		Kekerapan (N=113)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	32	28.3
	Perempuan	81	71.7
Umur	24-30 tahun	33	29.2
	31-40 tahun	25	22.1
	41-50 tahun	46	40.7
	50 tahun ke atas	9	8.0
Kelayakan akademik	Sarjana	7	6.2
	Sarjana Muda	100	88.5
	Diploma	4	3.5
	Sijil Perguruan	2	1.8
Pengalaman Mengajar	3 tahun ke bawah (novis)	21	18.6
	4-9 tahun (cekap)	30	26.5
	10-14 tahun (mahir)	32	28.3
	15 tahun ke atas (pakar)	30	26.5
Opsyen	Opsyen Bahasa Melayu	87	77.0
	Bukan opsyen Bahasa Melayu	26	23.0

Jadual 1 menunjukkan seramai 32 orang (28.3%) terdiri daripada guru lelaki dan seramai 38 orang (76%) ialah guru perempuan. Melalui kekerapan dan peratusan jantina ini dapat disimpulkan bahawa guru perempuan merupakan golongan majoriti yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan komposisi umur, didapati seramai 33 orang (29.2%) guru tergolong dalam lingkungan umur 24 hingga 30 tahun, 25 orang (22.1%) guru berumur antara 31 hingga 40 tahun, 46 orang (40.7%) guru berumur antara 41 hingga 50 tahun dan hanya 9 orang (8%) guru berumur antara 51 hingga 60 tahun. Melalui kekerapan dan peratusan umur ini juga dapat disimpulkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu paling ramai berumur antara 41-50 tahun.

Dari segi kelayakan akademik, guru yang memiliki sekurang-kurangnya sijil perguruan adalah seramai 2 orang (1.8%), manakala guru yang memiliki Ijazah Sarjana Muda merupakan yang tertinggi dengan kekerapannya, iaitu seramai 100 orang (88.5%), diikuti

Ijazah Sarjana 7 orang (6.2%), dan Diploma 4 orang (3.5%). Melalui maklumat ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti guru sudah mempunyai kelayakan minimum, iaitu Ijazah Sarjana Muda.

Dari segi pengalaman mengajar, seramai 21 orang (18.6%) dikategorikan sebagai guru novis dengan pengalaman mengajar hanya 3 tahun ke bawah. Seterusnya, seramai 30 orang (26.5%) guru cekap dengan pengalaman mengajar 4 hingga 9 tahun, 32 orang (28.3%) guru mahir dengan pengalaman mengajar 10 hingga 14 tahun dan 30 orang (26.5%) ialah guru pakar dengan pengalaman mengajar melebihi 15 tahun. Ini menunjukkan responden paling rendah bilangannya ialah guru novis. Seramai 26 orang (23.0%) terdiri daripada guru-guru bukan opsyen dan seramai 87 orang (77.0%) ialah guru-guru opsyen Bahasa Melayu. Melalui kekerapan dan peratusan jantina ini dapat disimpulkan bahawa majoriti responden kajian ini terdiri daripada guru-guru opsyen Bahasa Melayu pendidikan rendah yang sememangnya mempunyai keupayaan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.

Soalan 1: Apakah Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu SJKC tentang Kajian Pengajaran?

Bagi menjawab soalan kajian pertama ini, tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang Kajian Pengajaran dikenal pasti berdasarkan sembilan item yang terdapat dalam soal selidik Bahagian B. Item ini diukur menggunakan skala likert lima mata, iaitu (1) STT = Sangat Tidak Tahu, (2) TT = Tidak Tahu, (3) KT = Kurang Tahu, (4) T = Tahu, dan (5) ST = Sangat Tahu. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Merujuk Jadual 3 julat min pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang Kajian Pengajaran adalah antara 3.02 hingga 3.65. Kesemua item pengetahuan ini berada pada tahap yang sederhana. Walaupun pada tahap yang sederhana, analisis deskriptif menunjukkan guru mempunyai tahap pengetahuan paling tinggi terhadap item 7 dan item 9 dengan kedua-duanya mempunyai min yang sama, iaitu 3.65. Berdasarkan item 7 '*Tahu rancangan pelajaran harian perlu ditambah baik selepas sesi refleksi*', 45.1% daripada 113 orang guru tahu dan 25.7% guru sangat tahu yang RPH perlu dibentangkan semasa melaksanakan Kajian Pengajaran. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil guru yang kurang tahu (10.6%), tidak tahu (6.2%), dan sangat tidak tahu (12.4%) tentang RPH perlu dibentangkan. Sementara itu, item 9 '*Tahu pakar rujuk boleh terdiri daripada orang yang berkebolehan tentang subjek*', 54% guru tahu dan 19.5% guru sangat tahu bahawa Kajian Pengajaran memerlukan pakar rujuk yang terdiri daripada orang yang berkebolehan tentang subjek Bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat guru yang kurang tahu (9.7%), tidak tahu (6.2%) dan

sangat tidak tahu (10.6%) berkaitan keperluan pakar rujuk ini.

JADUAL 3: Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang Kajian Pengajaran

Bil	Pernyataan	Kekerapan/Peratusan					Min	Tahap Min
		STT	TT	KT	T	ST		
1.	Tahu tentang Kajian Pengajaran	18 (15.9)	11 (9.7)	22 (19.5)	49 (43.4)	13 (11.5)	3.25	Sederhana
2.	Tahu pihak sekolah ada menjalankan kursus	20 (17.7)	16 (14.2)	27 (23.9)	42 (37.2)	8 (7.1)	3.02	Sederhana
3.	Tahu Kajian Pengajaran usaha kolaboratif	16 (14.2)	11 (9.7)	18 (15.9)	51 (45.1)	17 (15.0)	3.37	Sederhana
4.	Tahu Kajian Pengajaran merupakan aktiviti dalam KPP	15 (13.3)	9 (8.0)	15 (13.3)	52 (46.2)	22 (19.5)	3.50	Sederhana
5.	Tahu rancangan pelajaran harian perlu dibentangkan	16 (14.2)	11 (9.7)	27 (23.9)	50 (44.2)	9 (8.0)	3.22	Sederhana
6.	Tahu guru boleh mengemukakan pandangan semasa sesi refleksi	15 (13.3)	7 (6.2)	13 (11.5)	60 (53.1)	18 (15.9)	3.52	Sederhana
7.	Tahu rancangan pelajaran harian perlu ditambah baik selepas sesi refleksi	14 (12.4)	7 (6.2)	12 (10.6)	51 (45.1)	29 (25.7)	3.65	Sederhana
8.	Tahu pakar adalah perlu dalam Kajian Pengajaran	13 (11.5)	8 (7.1)	16 (14.2)	55 (48.7)	21 (18.6)	3.56	Sederhana
9.	Tahu pakar rujuk boleh terdiri daripada orang yang berkebolehan tentang subjek	12 (10.6)	7 (6.2)	11 (9.7)	61 (54.0)	22 (19.5)	3.65	Sederhana
Keseluruhan Min						3.42	Sederhana	

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 3.02, iaitu item 2 'Tahu pihak sekolah ada menjalankan kursus'. Jika dianalisis, 37.2% guru tahu dan 7.1% guru sangat tahu tentang pihak sekolah ada menjalankan kursus berkaitan Kajian Pengajaran. Walau bagaimanapun, sebilangan besar guru cenderung memberi respons negatif, iaitu 239% guru kurang tahu, 14.2% guru tidak tahu, dan 17.7% guru sangat tidak tahu yang pihak sekolah ada melaksanakan kursus Kajian Pengajaran di sekolah mereka. Analisis item 2 ini menunjukkan bahawa guru-guru SJKC di bawah Program TS25 masih tidak tahu tentang kursus atau bimbingan mengenai pelaksanaan Kajian Pengajaran sebagai salah satu PLC untuk penambahbaikan amalan pengajaran.

Secara keseluruhannya, pengetahuan guru Bahasa Melayu di SJKC (sekolah transformasi) tentang Kajian Pengajaran masih berada pada tahap yang sederhana. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah 3.42. Dapatan ini

menunjukkan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu SJKC tentang pelaksanaan Kajian Pengajaran belum memuaskan walaupun sekolah-sekolah ini telah mendapat bimbingan menerusi Program TS25.

Soalan Kajian Kedua: Apakah Tahap Pemahaman Guru Bahasa Melayu SJKC tentang Kajian Pengajaran?

Untuk menjawab soalan kajian kedua ini, tahap pemahaman guru Bahasa Melayu di SJKC dikenal pasti berdasarkan enam item yang terdapat dalam soal selidik bahagian C. Item-item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STF = Sangat Tidak Faham, (2) TF = Tidak Faham, (3) KF = Kurang Faham, (4) F = Faham, dan (5) SF = Sangat Faham. Jadual 4 memaparkan kekerapan, peratusan, min dan tahap bagi setiap item.

Berdasarkan Jadual 4, julat min pemahaman guru tentang Kajian Pengajaran adalah antara 3.19 hingga 3.62. Keenam-enam item pemahaman ini berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian menunjukkan item 6 'Faham pelaksanaan berfokus kepada murid' mempunyai skor min yang paling tinggi dengan nilai min sebanyak 3.62. Merujuk taburan soal selidik, 53.1% daripada 113 orang guru faham bahawa pelaksanaan Kajian Pengajaran banyak berfokus kepada murid, terutamanya dari aspek pembelajaran. Selain itu, sebanyak 19.5% guru juga sangat faham Kajian Pengajaran banyak memberikan kepentingan kepada murid. Walau bagaimanapun, sebanyak 7.1% guru kurang faham, 8.8% tidak faham dan 10.6% sangat tidak faham Kajian Pengajaran berfokus kepada murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan skor min terendah pada item 5 'Faham kitaran Kajian Pengajaran' dengan nilai min sebanyak 3.19. Jika dianalisis taburan soal selidik, 48.7% guru faham dan hanya 5.3% guru sangat faham tentang kitaran Kajian Pengajaran. Sementara itu, 21.2% guru kurang faham, 8.8% tidak faham dan 15.9% sangat tidak faham kitaran Kajian Pengajaran. Jelaslah, guru-guru ini kurang faham cara untuk melaksanakan Kajian Pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana tidak menguasai kitaran Kajian Pengajaran dengan baik.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan pemahaman guru Bahasa Melayu di SJKC tentang Kajian Pengajaran turut berada pada tahap yang sederhana, iaitu kurang memuaskan. Purata skor min bagi tahap ini ialah 3.44. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa guru-guru di SJKC ini masih kurang faham cara untuk melaksanakan Kajian Pengajaran ini walaupun selepas bimbingan daripada rakan elit Program TS25 dijalankan.

JADUAL 4: Tahap pemahaman guru Bahasa Melayu tentang Kajian Pengajaran

Bil	Pernyataan	Kekerapan/Peratusan					Min	Tahap Min
		STB	TB	KB	B	SB		
1.	Bersedia melaksanakan Kajian Pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	20 (17.7)	11 (9.7)	20 (17.7)	54 (47.8)	8 (7.1)	3.17	Sederhana
2.	Bersedia jalankan Kajian Pengajaran dalam jangka masa panjang	20 (17.7)	12 (10.6)	26 (23.0)	49 (43.4)	6 (5.3)	3.08	Sederhana
3.	Bersedia jalankan Kajian Pengajaran walaupun tiada arahan	21 (18.6)	12 (10.6)	32 (28.3)	43 (38.1)	5 (4.4)	2.99	Sederhana
4.	Bersedia bekerjasama dengan guru lain	17 (15.0)	5 (4.4)	10 (8.8)	60 (53.1)	21 (18.6)	3.56	Sederhana
5.	Bersedia berkongsi ilmu	15 (13.3)	5 (4.4)	8 (7.1)	62 (54.9)	23 (20.4)	3.65	Sederhana
6.	Bersedia melaksanakan Kajian Pengajaran selepas sesi persekolahan	20 (17.7)	9 (8.0)	30 (26.5)	44 (38.9)	10 (8.8)	3.13	Sederhana
7.	Bersedia berusaha mencari strategi pengajaran yang sesuai	15 (13.3)	5 (4.4)	15 (13.3)	60 (53.1)	18 (15.9)	3.54	Sederhana
8.	Bersedia untuk dilawati oleh pakar semasa sesi kelas terbuka	25 (22.1)	11 (9.7)	31 (27.4)	39 (34.5)	7 (6.2)	2.93	Sederhana
9.	Bersedia untuk dikritik	16 (14.2)	6 (5.3)	23 (20.4)	57 (50.4)	11 (9.7)	3.36	Sederhana
10.	Bersedia untuk bersikap profesional	13 (11.5)	5 (4.4)	13 (11.5)	64 (56.6)	18 (15.9)	3.61	Sederhana
11.	Bersedia untuk aktif semasa sesi refleksi dan tidak hanya menerima pandangan sahaja	15 (13.3)	5 (4.4)	13 (11.5)	68 (60.2)	12 (10.6)	3.50	Sederhana
12.	Bersedia untuk buat penambahbaikan RPH	14 (12.4)	5 (4.4)	11 (9.7)	62 (54.9)	21 (18.6)	3.63	Sederhana
13.	Bersedia untuk terlibat secara aktif dalam kumpulan semasa penambahbaikan RPH	14 (12.4)	5 (4.4)	15 (13.3)	59 (52.2)	20 (17.7)	3.58	Sederhana
14.	Bersedia untuk mengulang semula sesi pemerhatian selepas membuat penambahbaikan	14 (12.4)	5 (4.4)	13 (11.5)	67 (59.3)	14 (12.4)	3.55	Sederhana
15.	Bersedia untuk mengulang sesi refleksi	15 (13.3)	6 (5.3)	17 (15.0)	63 (55.8)	12 (10.6)	3.45	Sederhana
16.	Bersedia untuk memberi komitmen sepenuhnya terhadap pelaksanaan Kajian Pengajaran	12 (10.6)	5 (4.4)	18 (15.9)	66 (58.4)	12 (10.6)	3.54	Sederhana
Keseluruhan Min							3.39	Sederhana

Soalan Kajian Ketiga: Apakah Tahap Kesiediaan Guru Bahasa Melayu SJKC dalam Melaksanakan Kajian Pengajaran?

Bagi menjawab soalan kajian ketiga ini, tahap kesiediaan guru Bahasa Melayu di SJKC dikenal pasti berdasarkan 16 item yang terdapat dalam soal selidik bahagian D. Item-item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STB= Sangat Tidak Bersedia, (2) TB = Tidak Bersedia, (3) KB = Kurang Bersedia, (4) B = Bersedia, dan (5) SB = Sangat Bersedia. Jadual 5 memaparkan kekerapan, peratusan, min dan tahap bagi setiap item.

Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 5 menunjukkan julat min kesiediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran adalah antara 2.93 hingga 3.65. Kesemua item kesiediaan ini berada pada tahap yang sederhana. Walaupun pada tahap sederhana, dapatan kajian ini menunjukkan skor min tertinggi merujuk kepada item 5 'Bersedia berkongsi ilmu' dengan nilai min 3.65.

JADUAL 5: Tahap kesiediaan guru Bahasa Melayu melaksanakan Kajian Pengajaran

Bil	Pernyataan	Kekerapan/Peratusan					Min	Tahap Min
		STF	TF	KF	F	SF		
1	Faham kepentingan Kajian Pengajaran	14 (12.4)	10 (8.8)	18 (15.9)	57 (50.4)	14 (12.4)	3.42	Sederhana
2	Faham Kajian Pengajaran mengikut kesesuaian murid	15 (13.3)	9 (8.0)	14 (12.4)	62 (54.9)	13 (11.5)	3.43	Sederhana
3	Faham Kajian Pengajaran perlu dijalankan secara berterusan	14 (12.4)	10 (8.8)	15 (13.3)	60 (53.1)	14 (12.4)	3.44	Sederhana
4	Faham Kajian Pengajaran dapat membantu masalah pembelajaran murid	14 (12.4)	9 (8.0)	11 (9.7)	59 (52.2)	20 (17.7)	3.55	Sederhana
5	Faham kitaran Kajian Pengajaran	18 (15.9)	10 (8.8)	24 (21.2)	55 (48.7)	6 (5.3)	3.19	Sederhana
6	Faham pelaksanaan berfokus kepada murid	12 (10.6)	10 (8.8)	8 (7.1)	60 (53.1)	22 (19.5)	3.62	Sederhana
Keseluruhan Min							3.44	Sederhana

Merujuk taburan soal selidik, 54.9% daripada 113 orang guru bersedia berkongsi ilmu semasa melaksanakan Kajian Pengajaran. Selain itu, terdapat 20.4% guru yang sangat bersedia untuk berkongsi ilmu mereka dalam pelaksanaan Kajian Pengajaran. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil guru iaitu 7.1% kurang bersedia, 4.4% tidak bersedia dan 13.3% sangat tidak bersedia berkongsi ilmu.

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 2.93, iaitu item 8 '*Bersedia untuk dilawati oleh pakar semasa sesi kelas terbuka*'. Berdasarkan taburan soal selidik, 34.5% daripada 113 orang guru bersedia untuk dilawati oleh pakar semasa sesi kelas terbuka dilaksanakan. Hanya 6.2% guru sahaja yang sangat bersedia untuk dilawati oleh pakar. Selebihnya, sebilangan besar cenderung dengan respons yang negatif, iaitu 27.4% kurang bersedia, 9.7% tidak bersedia dan 22.1% sangat tidak bersedia untuk dilawati oleh pakar semasa sesi kelas terbuka.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran juga berada pada tahap sederhana. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah 3.39. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa guru-guru di SJKC masih kurang bersedia untuk melaksanakan Kajian Pengajaran tentang amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Ini bermakna bimbingan di bawah Program TS25 perlu dilaksanakan secara berterusan sehingga guru-guru ini dapat bersedia sepenuhnya.

Hipotesis Kajian Pertama: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran?

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

JADUAL 6: Korelasi antara pengetahuan dengan kesediaan guru melaksanakan Kajian Pengajaran

		Tahap Pengetahuan	Tahap Kesediaan
Pengetahuan guru tentang Kajian Pengajaran	Korelasi Pearson	1	.819**
	Sig. (2-tailed)	-	<.001
	N	113	113
Kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran	Korelasi Pearson	.819**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	-
	N	113	113

Berdasarkan Jadual 6, hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan (2-tailed) antara tahap pengetahuan guru dengan pelaksanaan Kajian Pengajaran ($p = 0.001$; $p < 0.05$). Oleh itu, Ho1 adalah ditolak kerana terdapat hubungan yang

signifikan antara pengetahuan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

Selain itu, hasil analisis korelasi Pearson ia nilai ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang tinggi antara pengetahuan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran di mana nilai $r = 0.819$. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

Hipotesis Kajian Kedua: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran?

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman dengan tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

		Tahap Pemahaman	Tahap Kesediaan
Pemahaman guru tentang Kajian Pengajaran	Korelasi Pearson	1	.812**
	Sig. (2-tailed)	-	<.001
	N	113	113
Kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran	Korelasi Pearson	.812**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	-
	N	113	113

JADUAL 7: Korelasi antara pemahaman dengan kesediaan guru melaksanakan Kajian Pengajaran

Berdasarkan Jadual 7, hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (2-tailed) di mana nilai $p = 0.001$; $p < 0.05$. Ho2 ini ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

Hasil analisis korelasi pearson ialah $r = 0.812$ di mana nilai ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang tinggi antara pemahaman dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

PERBINCANGAN

Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tentang Kajian Pengajaran

Perbincangan ini bagi menjawab soalan kajian pertama berhubung tahap pengetahuan guru tentang Kajian Pengajaran. Kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu di SJKC (sekolah transformasi) yang terdapat di zon Hulu Langat, Selangor berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa guru-guru masih kurang berpengetahuan tentang pelaksanaan Kajian Pengajaran walaupun setelah sekolah-sekolah ini diberikan bimbingan dan pementoran berhubung Modul 4 Program TS25: Persekitaran Pembelajaran

Profesional. Hasil kajian ini disokong dengan kajian kualitatif yang telah dijalankan oleh Yee (2019) ke atas guru Bahasa Inggeris di sebuah sekolah rendah yang menjalani Program TS25. Dalam kajian tersebut, didapati guru-guru tersebut tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai Kajian Pengajaran. Dapatan ini telah memberi gambaran bahawa guru-guru masih belum mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pelaksanaan Kajian Pengajaran berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Keputusan ini juga jelas menunjukkan latihan dan bimbingan melalui Program TS25 juga belum mencukupi dan perlu dilaksanakan secara berterusan. Guru-guru yang kurang berpengetahuan tentang Kajian Pengajaran mungkin disebabkan latihan, bimbingan dan pentorotan banyak tertumpu kepada golongan *Senior Leader Team* (SLT), iaitu barisan pentadbir sekolah. Maka, dapat disimpulkan sekiranya pentadbir tidak melaksanakan taklimat atau bimbingan kepada warga sekolah, maka penyampaian maklumat tentang Kajian Pengajaran kurang didedahkan kepada para guru.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Rohaida (2017) yang dilakukan ke atas 253 orang guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Hulu Langat, Selangor menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Keputusan daripada kajiannya menunjukkan guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan tentang Kajian Pengajaran pada tahap yang tinggi, iaitu tahap yang baik dan memuaskan. Guru-guru tersebut mencapai tahap pengetahuan yang tinggi adalah disebabkan majoriti guru seramai 173 orang (68.4%) pernah mengikuti kursus Kajian Pengajaran, sekurang-kurangnya satu kali.

Dapatan kajian ini turut bercanggah dengan kajian Fanidawarti dan Abdul Hakim (2022) yang menjalani kajian berbentuk kajian kes yang melibatkan 36 orang guru di sebuah sekolah di daerah Kuala Terengganu. Hasil kajian tersebut mendapati guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan yang memuaskan tentang aspek-aspek PLC dan pelaksanaan *lesson study*. Dapatan kajian Rohaida (2017) dan Fanidawarti (2022) tentang aspek pengetahuan Kajian Pengajaran ini membuktikan bahawa peranan latihan dan bimbingan yang berkesan akan memberikan impak yang positif terhadap pengetahuan guru mengenai Kajian Pengajaran. Dengan itu, guru-guru dapat mengamalkan Kajian Pengajaran atau *Lesson Study* untuk menambah baik amalan pengajaran mereka di samping mengenal pasti kaedah pengajaran yang berkesan dan sesuai dengan keperluan pembelajaran murid.

Tahap Pemahaman Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tentang Kajian Pengajaran

Kajian ini mendapati secara keseluruhannya pemahaman guru Bahasa Melayu di SJKC turut pada

tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa guru-guru ini tidak dapat memahami dengan baik tentang Kajian Pengajaran selepas pelaksanaan bimbingan Program TS25. Hasil kajian ini disokong dengan kajian Gunasegaran et al. (2022) yang dilaksanakan terhadap seramai 108 orang guru Tingkatan Enam (peringkat pra-universiti) di 15 buah sekolah yang terdapat di empat daerah di Sabah. Kajiannya mendapati guru-guru tersebut mempunyai tahap pemahaman yang sederhana tentang Kajian Pengajaran. Keputusan tahap pemahaman yang sederhana mungkin dipengaruhi daripada kurangnya latihan, kursus, bengkel, atau bimbingan yang dilaksanakan. Hal ini dibuktikan daripada kajian tersebut yang mendapati hanya 32.4% daripada 108 orang guru yang pernah menghadiri kursus mengenai Kajian Pengajaran, manakala sebilangan besar guru iaitu 73 orang (67.6%) tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan Kajian Pengajaran. Oleh itu, isu ketiadaan kursus ini perlu diambil perhatian oleh pihak PPD atau JPN supaya pemahaman guru pada masa akan datang dapat ditingkatkan lagi.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga bercanggah dengan kajian Rohaida (2017) yang mendapati purata skor min bagi pemahaman tentang Kajian Pengajaran dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu ialah sebanyak 3.95, yakni pada tahap yang tinggi. Guru-guru tersebut mencapai tahap pemahaman yang tinggi adalah disebabkan majoriti guru pernah mengikuti kursus Kajian Pengajaran di sekolah. Di samping itu, kajian Tan et al. (2016) yang dijalankan ke atas para pensyarah di Institut Pendidikan Guru. Dapatan kajiannya juga mendapati pemahaman para pensyarah pada tahap yang tinggi.

Tahap Kesediaan Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Melaksanakan Kajian Pengajaran

Kajian ini telah menjelaskan pengetahuan dan pemahaman guru pada tahap yang sederhana. Dapatan tersebut menyamai dengan dapatan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran yang turut berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga mendapati guru-guru tidak bersedia untuk melaksanakan Kajian Pengajaran walaupun tiada arahan yang dikeluarkan. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa apabila guru tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik tentang pelaksanaan Kajian Pengajaran, maka guru-guru juga kurang bersedia untuk melaksanakan Kajian Pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Rohaida (2017) yang turut mendapati kesediaan guru-guru Bahasa Melayu sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana.

Namun demikian, dapatan kajian ini didapati bertentangan dengan kajian tinjauan Ezwafahmey (2018) yang dijalankan terhadap 44 orang guru

cemerlang di sekolah menengah negeri Melaka. Kajian tersebut mengenal pasti tahap kesediaan ini dari tiga aspek, iaitu penilaian dan penyeliaan pengajaran guru, penyelarasan kurikulum, dan pemantauan pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut, guru-guru tersebut didapati mempunyai kesediaan melaksanakan Kajian Pengajaran pada tahap yang tinggi dengan skor min sebanyak 4.16. Hal ini kerana kajian menunjukkan faktor umur dan pengalaman mengajar menjadikan Guru Cemerlang Bahasa Melayu di sekolah menengah lebih berpengalaman dan bersedia menerima segala perubahan dan pembaharuan dalam semua aspek dalam bidang pendidikan selari dengan Teori Perubahan Pendidikan Fullan (1985).

Guru yang berumur dan berpengalaman mempunyai banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas serta menjadikan guru-guru lebih matang dalam memberikan penilaian dan menyelesaikan masalah. Malah, semakin lama tempoh perkhidmatan Guru Cemerlang tersebut, semakin matang pemikiran dan kesediaan mereka menerima tanggungjawab dalam bidang akademik. Hal ini membuktikan bahawa Guru Cemerlang Bahasa Melayu sekolah menengah di negeri Melaka mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk menerapkan amalan Kajian Pengajaran dalam kalangan guru di sekolah berdasarkan aspek menilai dan menyelia pengajaran guru, menyelaras kurikulum dan memantau pencapaian akademik pelajar di sekolah.

Hubungan antara Pengetahuan dengan Kesediaan Guru Melaksanakan Kajian Pengajaran

Analisis korelasi pearson menunjukkan secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan Kajian Pengajaran dengan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran. Malah, kajian juga mendapati kekuatan hubungan secara keseluruhannya adalah positif tinggi. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa aspek pengetahuan merupakan pengaruh besar kepada kesediaan guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan Kajian Pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong dengan kajian Rohaida (2017) yang turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kesediaan guru. Namun begitu, keputusan menunjukkan hubungan yang lemah antara pengetahuan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

Hubungan antara Pemahaman dengan Kesediaan Guru Melaksanakan Kajian Pengajaran

Secara keseluruhannya, melalui analisis korelasi pearson dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pemahaman tentang Kajian Pengajaran dengan tahap kesediaan guru dalam

melaksanakan Kajian Pengajaran. Hasil kajian juga mendapati kekuatan hubungan secara keseluruhannya adalah positif tinggi. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa aspek pemahaman sangat mempengaruhi kesediaan guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan Kajian Pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian Rohaida (2017) yang turut mendapati keputusan yang signifikan, iaitu terdapat hubungan antara pemahaman dengan kesediaan guru. Walau bagaimanapun, keputusan ini menunjukkan hubungan yang lemah antara pengetahuan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kajian yang telah dijalankan ini memberi sumbangan yang amat peting dalam Kajian Pengajaran. Aspek yang perlu diberi tumpuan adalah aspek berkaitan tahap kesediaan guru untuk melaksanakan Kajian Pengajaran. Kajian ini membuktikan tahap pengetahuan dan pemahaman guru yang tinggi tidak menjamin kesediaan guru untuk melaksanakan Kajian Pengajaran juga tinggi. Guru perlu diberi ruang dan peluang untuk melaksanakan Kajian Pengajaran. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan perjalanan Kajian Pengajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara lain. Maka daripada itu, pihak KPM perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya Kajian Pengajaran ini menjadi budaya yang baik dalam kalangan warga pendidik khususnya guru Bahasa Melayu.

Pihak pentadbir sekolah juga perlu bertanggungjawab untuk merancang dan memantapkan profesionalisme guru-guru di sekolah melalui kursus dalaman mengenai Kajian Pengajaran. Selain itu, pihak pentadbir sekolah perlu lebih fleksibel terutamanya mengenai jadual waktu guru semasa sesi kelas terbuka dilaksanakan. Bagi pegawai-pegawai di JPN dan PPD perlu membuat pemantauan berkala bagi memastikan Kajian Pengajaran dilaksanakan di peringkat sekolah. Di samping itu, Kajian Pengajaran di peringkat daerah juga perlu dijalankan supaya setiap sekolah boleh berkongsi masalah pembelajaran murid di sekolah masing-masing sekali gus berkongsi cara penyelesaiannya.

KESIMPULAN

Daripada kajian yang telah dijalankan ini, hasil analisis deskriptif menunjukkan secara keseluruhannya tahap pengetahuan, tahap pemahaman, dan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran di sekolah adalah sederhana. Hal ini menunjukkan walaupun sekolah-sekolah ini diberikan bimbingan Modul 4 TS25 mengenai pelaksanaan Kajian Pengajaran, guru-guru masih lagi kurang tahu, kurang faham, dan seterusnya kurang bersedia untuk melaksanakan dan mengamalkan

Kajian Pengajaran ini untuk menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, hasil analisis inferensi juga menunjukkan kedua-dua hipotesis nol dalam kajian ini ditolak. Hal ini bermakna terdapat hubungan antara pengetahuan dengan kesediaan guru, dan pada masa yang sama turut terdapat hubungan antara pemahaman dengan kesediaan guru dalam melaksanakan Kajian Pengajaran. Sehubungan itu, diharapkan pihak yang berkepentingan seperti KPM dan pentadbir sekolah berupaya mengatasi masalah berhubung kesediaan guru dengan pelan dan rancangan lebih progresif bagi tujuan penambahbaikan agar pelaksanaan Kajian Pengajaran yang disarankan dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat pendidikan yang diinginkan.

RUJUKAN

- Azman Jais. (2018). Penerimaan dan penggunaan inovasi persekitaran pembelajaran maya dalam kalangan guru. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azura Pun & Mahaliza Mansor. (2022). Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2): 2-13.
- Batuma Balachandran & Wan Muna Ruzanna Mohammad. (2021). Pelaksanaan *Lesson Study* (amalan kolaborasi) dalam peningkatan tahap pengetahuan pedagogi guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Tamil daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 154-163.
- Chiew Chin Mon, Mohd Hasani Dali & Lim Chap Sam. (2016). Issues relating to the implementation of *Lesson Study* in the Malaysian Education Context. *Journal of Research & Method in Education*, 6(3): 77-85.
- Chua Lay Nee, Fairuzzah Harun, Norliza Abd Razak & Manoriza Abd Malek. (2020). *Lesson Study: Idea dan masa hadapan. Prosiding Seminar Serantau Kajian Pembelajaran*, hlm. 53-39. Universiti Kebangsaan Malaysia: Penerbit Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Edition. New York: Pearson.
- Ezwafahmey Ahmad Kusaini. (2018). Tahap kesediaan guru cemerlang Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah menengah di negeri Melaka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 63-73.
- Fanidawarti Hamzah & Abdul Hakim Abdullah. (2022). Hubungan antara amalan *Lesson Study* dengan keberkesanan pengajaran guru. *Global Journal of Educational Research & Management*, 342-353.
- Fer Coenders & Nelle Verhoef. (2019). *Lesson Study: Professional development (PD) for beginning and experienced teachers. Professional Development in Education*, 45(2): 217-230.
- Gunasegaran Karuppanan, Hatnin Duari & Heng Sze Phing. (2022). Hubungan antara amalan Profesional Komuniti Pembelajaran (PLC) dan efikasi guru: Analisis kuantitatif ke atas guru sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2): 21-33.
- Siti Hajar Mohamed & Siti Mistima Maat. (2021). Sorotan literatur bersistematik terhadap komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru Matematik sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10): 164-176.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Noraziyannah Md Jais & Aida Hanim A. Hamid. (2019). Amalan kepimpinan multidimensi guru besar dan hubungannya dengan komitmen guru Program Transformasi Sekolah 2025. *International Journal of Modern Education*, 1(2): 13-26.
- Rabiatul 'Aqilah Mohammad Ariffin & Zanaton Hj. Iksan. (2021). Kajian pembelajaran sebagai medium pembangunan insan dalam proses pengajaran dan pembelajaran : Satu cabaran. *Sains Insani*, 6(1): 66-74.
- Rohaida Mazlan & Zamri Mahamod. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru Bahasa Melayu melaksanakan Kajian Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(2): 173-182.
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap Pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kajian Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2): 30-40.
- Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Othman & Salwati Shafie. (2018). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4): 1-9.
- Tan Ai Lee, Ooi Soo Yuan & Teh Hang Leng. (2016). *Lesson Study: Amalan berkolaborasi untuk pembelajaran berkesan di Institut Pendidikan Guru. Proceeding of ICECRS*, hlm. 21-30. Diakses di <https://icecrs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/1248> (20 Oktober 2022)
- Tan Mei Kin & Omar Abdull Kareem. (2019). Professional learning communities: A comparison study between day secondary school and fully residential secondary school in Malaysia. *International Journal of Academic Research in*

- Progressive Education and Development*, 8(2): 87-101.
- Voon, S.H. & Mohd Syawal Amran. (2021). Pengaplikasian teori pembelajaran konstruktivisme dalam pembelajaran Matematik. *Sains Insani*, 6(2):73-82.
- Yee Bee Choo. (2019). Penggunaan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Perubahan Guru Melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di Sekolah Rendah Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan*, 620-629.
- Zanaton Ikhsan, Aidah Abdul Karim, Fariza Khalid, Effandi Zakaria, Rosseni Din, Md Yusof Daud & Roslinda Rosli. (2014). *Lesson Study* (Jogyoukenyu): Kajian perbandingan Jepun dan Malaysia. *Proceeding the 4th International Conference on Learner Diversity 2014*: 271-277. Diakses dari: https://www.academia.edu/9833853/Lesson_Study_Jogyoukenyu_Kajian_Perbandingan_Jepun_dan_Malaysia(20 Oktober 2022)